

Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM Intelligence Stats (DIS) bagi tujuan input kepada *stakeholders* dan agensi utama, pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh pejabat DOSM Negeri dan juga Bahagian Butiran Perkara di Ibu Pejabat berdasarkan kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

BKD edisi kali ini merangkumi topik-topik berikut:

- i. Kajian kes impak Movement Control Order (MCO) di lapangan bagi Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan; dan
- ii. Kajian kes impak MCO ke atas ekonomi – Subsektor Makanan & Minuman: Prestasi dan Guna Tenaga.

PENDAHULUAN

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan telah melaksanakan Kajian Impak COVID-19 kepada beberapa sektor utama negara, terutamanya dalam Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit, Sektor Pembuatan, Sektor Perkhidmatan, Sektor Pembinaan dan Sektor Pertanian. Kajian yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada pemerhatian dan temuduga pengusaha di lapangan.

Jabatan Perangkaan Malaysia di Putrajaya (Ibu Pejabat) juga turut telah menjalankan analisis kesan penularan wabak pandemik di Malaysia terhadap Prestasi dan Guna Tenaga dalam Subsektor Makanan & Minuman.

RINGKASAN KESAN KEPADA BEBERAPA SEKTOR – NEGERI TERPILIH



SEKTOR PEMBUATAN



PETROLEUM & PETROKIMIA

↓ 50%-60% PENGELUARAN

- Kapasiti pengeluaran bagi industri petroleum serta petrokimia telah diturunkan sebanyak 50% hingga 60% disebabkan kekangan faktor pekerja dan juga terjejasnya perkhidmatan sokongan yang lain.
 - Pertubuhan menggunakan kaedah penggiliran pekerja sepanjang PKP.
- TERENGGANU**



KEROPOK LEKOR

↓ 50% JUALAN

- Hampir 80% pengusaha yang menjalankan perusahaan terpaksa menutup operasi memandangkan ketiadaan bahan mentah.
 - Jualan keropok lekor mengalami penurunan 50% di mana anggaran 80% pekerja tidak bekerja sepanjang tempoh PKP
- TERENGGANU**



BATIK & TEKSTIL

↓ 50% PENDAPATAN

Kebanyakan syarikat menghentikan operasi pembuatan/ penghasilan batik/ tekstil sepanjang tempoh PKP. Didapati kemerosotan dalam jualan/ pendapatan sehingga 50% bagi bulan Mac 2020 berbanding bulan Mac 2019. **- TERENGGANU**





RUNCIT BUKAN MAKANAN

↓ 50%-60% JUALAN

Perniagaan runcit bukan berasaskan makanan dan minuman seperti barangan komputer, alatan telekomunikasi dan barangan pembinaan (*hardware*) mengalami penurunan jualan yang amat ketara antara 50% hingga 60%, disebabkan penutupan sepenuh premis perniagaan. - **TERENGGANU**



PASAR PAGI, PASAR MALAM, PASAR TANI, CAR BOOT SALE

↓ 70%-90% PENDAPATAN

Pendapatan 6,238 peniaga kecil dan penjaja dijangka menurun sebanyak 70% hingga 90% pada bulan Mac 2020 atas penutupan operasi. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan potongan 50% bagi bayaran bulan April 2020 untuk bayaran sewaan gerai dan lain-lain kemudahan PBT, bayaran permit pasar tani, pasar pagi, pasar malam dan *car boot sale* yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM1.3 juta.

- **PAHANG**

↓ 40%-90% PENDAPATAN



PENGINAPAN

Hasil pendapatan suku pertama 2020 bagi subsektor ini dijangka menurun sebanyak 40% hingga 60% atas sekatan kedatangan pelancong asing, terutamanya Singapura & China.

- **PAHANG**

Kerajaan Negeri telah mengarahkan kesemua hotel ditutup berkuatkuasa dari 18 hingga 31 Mac 2020. Jangkaan jumlah pendapatan merosot dari 80% hingga 90% bagi bulan Mac. - **TERENGGANU**

Kadar penginapan yang direkodkan oleh sektor perhotelan bagi 2 bulan pertama tahun 2020 hanya sekitar 20% sahaja. Ini disebabkan pembatalan tempahan bermula pertengahan Februari 2020 bagi pelancong dari China, Timur Tengah dan Asean.

- **KELANTAN**



PENGGANGKUTAN

Penerbangan domestik Kuala Lumpur ke Terengganu dan Kuala Terengganu ke Kuala Lumpur telah dihentikan bermula PKP dan menjejaskan jualan tiket penerbangan. - **TERENGGANU**

Hanya 16 penerbangan keluar masuk yang direkodkan berbanding 45 penerbangan sebelum ini dengan pengendalian penumpang menunjukkan penurunan daripada 5,070 penumpang 1,800 penumpang sehari.

perkhidmatan taksi airport & e-hailing terkesan dengan jumlah penumpang yang hanya menggunakan perkhidmatan kurang daripada 15% berbanding hari biasa. - **KELANTAN**



STESEN MINYAK

↓ 40%-70% JUALAN

• Hasil jualan stesen minyak khususnya jualan bahan api dijangka mengalami penurunan sebanyak 40% hingga 50%.

- **TERENGGANU**

• Arahan PKP memberikan kesan kejatuhan jualan melebihi 70% pada bulan Mac 2020. Penurunan harga pasaran minyak petrol dan diesel menyumbang kepada penurunan jualan tersebut. Sebanyak 246 buah stesen minyak terjejas. - **PAHANG**

• Jumlah jualan dianggarkan berjumlah RM33 juta bagi tempoh 3 minggu pertama bulan Mac 2020, berbanding RM83 juta pada bulan Januari 2020. - **KELANTAN**

↓ 99% PELANCONG

Industri perlancongan di Pulau Tioman terkesan dengan bilangan pelancong kurang 100 orang dalam tempoh PKP, berbanding 30,000 orang sebelum ini.

Hasil pendapatan operator utama feri ke Pulau Tioman terjejas pada Mac sehingga 80% disebabkan tiada trip dibenarkan.



PULAU TIOMAN

Hasil pendapatan bagi penginapan turut terjejas disebabkan pembatalan trip pelancong yang telah membuat tempahan awal untuk bulan Mac serta tempoh penginapan yang terpaksa dipendekkan. - **PAHANG**



KENDERAAN BERMOTOR

Kesemua premis yang menjual kenderaan bermotor baru dan terpakai diarahkan tutup oleh Kerajaan Negeri sepanjang tempoh PKP, selari dengan arahan penutupan sepenuhnya perkhidmatan kaunter (JPJ) mulai 20 Mac 2020.

Pendapatan bengkel mengendalikan perkhidmatan menyelenggara kenderaan bermotor menurun sebanyak 40% hingga 50% sehari, susulan tempoh operasi jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang. - **TERENGGANU**



POS & KURIER

↑ 40%-80% PENERIMAAN

Kuantiti penerimaan barangan di cawangan kurier meningkat berbanding sebelum ini. Peningkatan penerimaan sebanyak 40% hingga 80% barangan penghantaran dalam tempoh sehari. - **TERENGGANU**



BUAHAN TIDAK BERMUSIM

↓ 50%-60% HARGA

Harga pasaran tembikai jatuh sehingga 70 sen sekilo disebabkan kekurangan permintaan berikutan PKP. Harga pasaran sebelum ini adalah diantara RM1.50 hingga RM1.80 sekilo.

Daerah Temerloh mempunyai keluasan tanaman tembikai yang terbesar dengan anggaran kawasan tanaman 728 hektar.

- PAHANG

SEKTOR PERTANIAN

SEKTOR PERLOMBONGAN & PENGUARIAN



60 SYARIKAT TERJEJAS

Semua pemegang permit/ lesen batuan dan mineral dikehendaki menghentikan aktiviti pemindahan dan pengeluaran bahan mineral dan batuan.

PKP memberikan kesan kepada lebih 60 syarikat yang beroperasi dengan anggaran pekerja 2,000 orang.

- PAHANG

SUBSEKTOR MAKANAN & MINUMAN: PRESTASI DAN GUNA TENAGA



PENGENALAN

Pada tahun 2019, Sektor Perkhidmatan menjana RM819.2 bilion nilai ditambah atau menyumbang 57.7% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

“Subsektor Makanan & Minuman merekodkan RM46.4 bilion pada 2019”

Hasil subsektor Makanan & Minuman pada suku tahun pertama 2020 diunjur merekodkan pertumbuhan perlahan iaitu 6.3% berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.

Jumlah pekerja dianggarkan menurun 3.5% berbanding tempoh sama tahun sebelumnya, manakala gaji dan upah dijangka merosot 4.0% berbanding suku tahun pertama 2019.



Hasil jualan gerai makanan dan minuman dianggarkan merosot dalam lingkungan 50% hingga 70%, atas arahan tutup serta-merta mulai 18-31 Mac 2020.

SENARIO GUNA TENAGA



90% atau 1.25 juta pekerja di industri perkhidmatan makanan & minuman di Malaysia adalah pekerja separuh mahir dan berkemahiran rendah.

Majoriti guna tenaga adalah pelayan, pramusaji dan pekerja makanan dan minuman.

Median pendapatan bulanan pekerja di industri ini adalah RM1,973 sebulan.

Merangkumi 71% daripada keseluruhan jumlah guna tenaga dalam industri makanan & minuman, 682.8 ribu orang adalah golongan pekerja bergaji dengan 10% daripadanya adalah pekerja bergaji sambilan.

JANGKAAN PERTUMBUHAN MENGIKUT INDUSTRI (PKP)



Hasil jualan restoran dijangka mengalami penurunan ketara antara 50% hingga 75% sepanjang PKP.



Perkhidmatan catering dijangka penurunan hasil jualan sebanyak 70% disebabkan jumlah penerbangan yang terhad serta arahan PKP.



Perkhidmatan penghantaran makanan seperti Food Panda, Dah Makan, Grab Food, Honestbee dan DeliveryEat menerima pesanan yang tinggi semasa PKP dan jangkakan hasil meningkat 60%.



Perkhidmatan Food Truck dijangka menerima kesan negatif atas arahan tutup serta merta mulai 18-31 Mac 2020. Jangkakan penurunan hasil jualan adalah dalam lingkungan 50% hingga 70%.

IMPAK COVID-19 & PKP TERHADAP GOLONGAN PEKERJA

Dijangka sekurang-kurangnya separuh daripada 600 ribu pekerja seperti pelayan, pramusaji dan pekerja makanan & minuman berisiko untuk diberhentikan. Golongan yang paling terkesan juga adalah pekerja sambilan dalam industri ini dengan anggaran 68,000 orang.

Majoriti pekerja dengan pendapatan di bawah RM2,000 tidak mempunyai kestabilan kewangan yang kukuh bagi berhadapan dengan isu pemberhentian mahupun diberi cuti tanpa gaji dan separuh gaji.

Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) meramalkan bahawa jumlah pekerja yang diberhentikan kesan COVID-19 boleh meningkat dua kali ganda daripada 40,000 orang pada tahun 2019 kepada hampir 100,000 orang jika pandemik ini tidak terkawal sehingga penghujung tahun 2020.

